

Tugas guru makin mencabar: PM

B.H. 15 MAY 1993

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — Perdana Menteri berkata, tugas dan tanggungjawab guru semakin mencabar kerana mereka bukan sekadar memberi ilmu pengetahuan tetapi yang lebih penting membentuk peribadi mulia generasi akan datang.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pendidikan yang tidak seimbang dan sempurna boleh membawa keruntuhan serta kepincangan masyarakat seperti dilihat di negara maju, terutama di Barat.

“Keruntuhan akhlak di kalangan beija menyebabkan struktur sosial asas masyarakat di sana, terutama hubungan kekeluargaan menjadi rosak dan porak peranda.

“Anak tidak lagi menghormati ibu bapa, guru dan mereka sendiri terbit dalam penyalahgunaan dadah, penagihan arak, pergaulan bebas tanpa batasan serta hidup tanpa tujuan,” katanya dalam buku cenderamata Majlis Pelancaran Pera-

yaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 1993.

Majlis itu akan diadakan di Kuching, Ahad ini.

Dr Mahathir berkata, masyarakat Malaysia terutama generasi muda masih lagi terpelihara daripada nilai-nilai hidup yang buruk ini.

“Kita hendaklah mengawasi supaya bibit-bibit ke arah hiduw sedemikian tidak timbul dan berleluasa dalam masyarakat kita,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini membawa guru merenung kembali khidmat mereka yang dicurahkan selama ini dan dijadikan pendorong untuk berusaha ke arah pembentukan generasi yang berwawasan.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, dalam perutusan yang sama, berkata masyarakat Malaysia seharusnya bangga dengan pencapaian sistem pendidikan negara ini.

Sebagai sebuah negara pesat membangun, katanya, Sarawak memerlukan golongan pendidik yang berwibawa untuk mencapai kecemerlangan pendidikan selaras dengan objektif wawasan negara.

“Sepanjang menerajui tonggak pendidikan negara, golongan pendidik juga hendaklah memuwuk semangat ketahanan nasional di kalangan anak bangsa, sekaligus mewujudkan bangsa Malaysia yang bertanggungjawab,” katanya.

Abdul Taib berkata, kemajuan dan pembangunan bersepadu seharusnya dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan negara dan ini menuntut kreativiti serta inovasi guru secara total.

“Guru hendaklah lebih berkeyakinan sepanjang berkhidmat kepada anak bangsa. Hanya melalui keyakinan dan kesungguhan yang tinggi kita mampu membina negara yang maju dan dinamik,” katanya.